



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **100-4/10/JLD.(4)/87**

Tarikh : **14 Januari 2020**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah , Pejabat Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI BIL.1/2020 PERUBAHAN VOT(KEPALA), KOD AMANAH DAN PEMINDAHAN KOD SUBSIDIARI DARI KOD OBJEK LIMA(8) DIGIT KE KOD PROJEK SETIA LAPAN(8) DIGIT AKAUN PINJAMAN PENDAHULUAN MIKRO KOMPUTER**

#### **1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan perubahan  
Vot(Kepala), Kod Amanah dan Pemindahan Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan  
Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer dari Kod Objek Lima(5) Digit ke Kod  
Lapan Digit(8).

#### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa ini Vot(Kepala), Kod Amanah dan Kod Subsidiari Akaun  
Pendahuluan Pinjaman Mikro Komputer adalah **K52 000 000000 521000**  
**00000000 00000** seperti yang berikut:-



**SURAT PEKELILING JBNS BIL.1/2020 BERTARIKH 14 JANUARI 2020**

*Struktur Kod Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer pada masa ini.*

Vot Kepala	Kod Jabatan	PTJ/PK/PPH	Program/ Aktiviti/ Amanah	Projek Setia	Objek/Kod (Subsidiari)
<b>K52</b>	000	000000	<b>521000</b>	00000000	<b>00000</b>

2.2. **Vot (Kepala) Akaun Pendahuluan Pinjaman Mikro Komputer ini adalah sama dengan** **Vot(Kepala)** yang digunakan untuk **Akaun Pendahuluan Diri AP.54**. Kedua-dua Kod Akaun ini hanya dibezakan dengan Kod Amanah. Kod Amanah untuk Akaun Amanah Pinjaman Mikro Komputer **521000** manakala bagi Akaun Amanah Pendahuluan Diri A.P54 adalah **520000**.

2.3. Rasional untuk mengubah **Vot(Kepala)** dan Amanah Akaun Pendahuluan Pinjaman Mikro Komputer adalah kerana **Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer** adalah merupakan pinjaman yang **dikenakan faedah dan bayaran balik yang berjadual**.

2.4. Pemindahan Kod Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer dari Kod Objek Lima(5) Digit ke Kod Projek Setia Lapan Digit (8) adalah sesuai dan selaras dengan tujuan penyeragaman penggunaan Kod Subsidiari menggunakan Kod Projek Setia Lapan(8) Digit sebelum pelaksanaan Perakaunan Akruan.

**3. VOT (KEPALA), KOD AMANAH DAN KOD SUBSIDIARI AKAUN PENDAHULUAN PINJAMAN MIKRO KOMPUTER YANG BAHARU**  
**Mulai Tahun 2020** , Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer akan menggunakan **Vot Kepala K53, Kod Amanah 530000 dan Kod Projek Setia Lapan(8) Digit** sebagai Kod Subsidiari seperti yang berikut:-



**SURAT PEKELILING JBNS BIL.1/2020 BERTARIKH 14 JANUARI 2020**

*Struktur Kod Pinjaman Pendahuluan Diri Mikro Komputer yang baharu.*

Vot Kepala	Kod Jabatan	PTJ/PK/PPH	Program/ Aktiviti/ Amanah	Projek Setia/(Kod Subsidiari)	Objek
<b>K53</b>	000	000000	<b>530000</b>	<b>00000000</b>	00000

Oleh itu, baki pinjaman pendahuluan mikro komputer perlu dipindahkan ke struktur Kod yang baharu **Vot Kepala K53 000 000000 530000 00000000 00000**.

**4. TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMINDAHKAN BAKI PINJAMAN PENDAHULUAN MIKRO KOMPUTER DARI VOT KEPALA K52 KE VOT KEPALA K53**

4.1 **Seksyen Akaun Amanah, JBNS** akan melaksanakan pemindahan baki pinjaman pendahuluan Mikro Komputer ke **Vot Kepala K53** melalui penyediaan baucer jernal.

4.3 Baki yang akan dipindahkan adalah berdasarkan kepada baki di bulan terakhir potongan gaji dibuat **sebelum dipindahkan ke **Vot Kepala K53**** seperti contoh yang berikut:-

**Contoh:** Baki Pinjaman sebelum Potongan Gaji Bulan Mac 2020 adalah **RM3,838.12**. Potongan Bulanan **RM147.62**. Selepas potongan melalui Gaji Bulanan ( $3,838.12 - 147.62 = 3,690.50$ ). Ini bermakna baki yang akan dipindahkan ke struktur Kod yang baharu **K53 000 000000 530000 0000001 0000** adalah **RM3,690.50**.